

Rakyat diminta hapuskan sikap bergantung hidup kepada bantuan

UM 16 JAN 2002

KUALA LUMPUR 15 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu rakyat negara ini menerapkan sikap tidak terlalu bergantung kepada bantuan dan derma daripada masyarakat untuk meneruskan kehidupan.

Menurut Perdana Menteri, apa yang perlu dilakukan oleh mereka ialah berusaha sendiri secara bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu matlamat tanpa bersandarkan bantuan orang lain.

Tegas beliau, kerajaan mahu setiap warganya termasuk anak yatim mempunyai perasaan 'sombong sedikit' dengan enggan menerima bantuan masyarakat.

"Kalau terapkan sikap selalu mengharapkan bantuan, kita akan menjadi manusia yang lemah. Kita harus ingat bahawa kita mempunyai tanggungjawab terhadap kebahagiaan diri.

"Berusahalah untuk

membayai diri sendiri dan balas serta-merta setiap bantuan yang diberikan kepada kita," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan sekolah kepada anak-anak yatim Wilayah Persekutuan di bangunan Tabung Haji di sini, hari ini.

Pada majlis itu, seramai 255 orang anak yatim menerima bantuan persekolahan dalam lingkungan antara RM150 dan RM250 seorang mengikut kategori sekolah rendah dan menengah daripada isteri Dr. Mahathir, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Dr. Mahathir turut menerima sumbangan cek bernilai daripada beberapa badan korporat untuk disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan.

Hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dan Pengerusi

Tabung Haji, Tan Sri Zainol Mahmood.

Menurut Dr. Mahathir, meskipun beliau perlu mengingatkan akan keperluan sikap enggan menerima bantuan masyarakat itu, namun rakyat Malaysia diketahui ramai suka membantu golongan yang tidak bernasib baik.

Ini kerana keadaan di negara ini agak unik kerana didiami oleh rakyat yang suka bergaul sesama mereka meskipun berlainan agama dan budaya.

"Sebagai contoh, meskipun pertubuhan anak yatim pada majlis hari ini dikuasai oleh orang Islam, yang menerima derma juga ada dari kalangan bukan Islam.

"Sudah tentu tepat bagi badan ini menghulurkan bantuan kepada anak-anak yatim bukan Islam kerana ini akan menolong merapatkan hubungan serta menjalin kemesraan antara kaum," katanya.

Sudah tentu pula, kata Perdana Menteri, anak yatim bukan Islam berkenaan akan mengingati kebaikan para dermawan Islam sekali gus akan mengeratkan semangat perpaduan kaum yang disemai sejak kecil.

Justeru, Dr. Mahathir turut mengingatkan mereka yang masih di bangku sekolah mengenai peranan yang boleh mereka lakukan bagi membalas penerimaan bantuan tersebut.

"Cara membalasnya ialah dengan tidak membuang masa dan belajar dengan tekun untuk mencapai kelulusan yang tinggi.

"Sebaik-baiknya tunjukkan tanggungjawab memajukan diri sendiri supaya bantuan yang diterima ini tidak sia-sia. Kejar ilmu supaya dengan ilmu ini nanti, kita akan dapat menyara diri sendiri," katanya.